

TINGKATAN 4

TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruang kosong yang disediakan.

1. Alam _____ ialah alam yang dirahsiakan oleh Allah SWT.
2. Semasa berada di alam rahim, ditiupkan roh, ditetapkan _____, rezeki dan amalan.
3. Manusia sebagai khalifah Allah SWT bermaksud manusia wajib mentadbir dan _____ bumi selari dengan kehendak syariat.
4. Insan adalah istimewa kerana dianugerahkan _____ sebagai pembimbing.

Soalan 5 hingga Soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruang kosong yang disediakan.

5. Alam manusia di dalam kandungan ibu.
6. Alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal.
7. Masyarakat dan generasi yang maju dari segi pemikiran, rohani dan kebendaan.
8. Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.
